

ADUAN MENGENAI SET TELEFON YANG TIDAK LENGKAP

Written by Administrator

Friday, 11 September 2009 10:21 -

<div align="justify">Kami di NCCC telah menerima aduan daripada pengadu DZULKARNAEN MOHAMAD KHAMIS terhadap syarikat GETWAY MARKETING (menjual telefon bimbit).</div><div align="justify">Pengadu telah memaklumkan bahawa beliau telah membeli sebuah telefon bimbit jenama SONY ERICSSON K550i daripada syarikat GETWAY MARKETING, CARREFOUR WANGSA MAJU. Beliau telah memaklumkan bahawa syarikat GETWAY MARKETING TIDAK membekalkan "headphone" yang tulen kepadanya.</div><div align="justify"><div align="justify">Apabila pengadu menghubungi syarikat tersebut, permintaan tersebut tidak dilayan diatas alasan pengadu tidak melaporkan ketiadaan set tersebut dengan serta -merta. Pengadu telah mengambil masa 10 hari untuk membuat laporan.

Kesimpulanya :
Pengurus GETWAY MARKETING En. Danny telah ke NCCC untuk menyerahkan satu set "headphone' tulen diatas usaha untuk menyelesaikan masalah secara muafakat. Pengadu menyedari akan kesilapannya beliau tidak memeriksa dengan teliti.

<u>Nasihat daripada NCCC: </u>

Tindakan pengadu/ pengguna yang mengambil masa selama 10 hari untuk mengemukakan aduannya adalah agak tidak munasabah. Walaubagaimanapun, seseorang pengguna haruslah memastikan kesemua barang dalam pakej tersebut adalah lengkap sebelum meninggalkan premis syarikat tersebut.

Daripada,
NCCC
</div></div>